

SA YA adalah salah seorang yang amat terkejut apabila mendengar berita kerajaan kita telah mengambil keputusan membatalkan pembinaan jambatan yang akan menggantikan Tambak Johor. Orang Johor terutamanya (termasuk saya) dan mungkin ramai lagi yang tidak setuju kerajaan membatalkan projek itu walaupun dengan alasan bahawa kerajaan mengambil keputusan itu untuk mengelak permintaan Singapura yang keterlaluan terhadap pembelian pasir dan penggunaan ruang udara Malaysia.

Siapa lagi yang kuat membantah dan paling tidak bersetuju dengan pembatalan rancangan itu kalau bukan Tun Dr Mahathir Mohamad (orang yang melahirkan idea itu). Walaupun pada awalnya dia agak bersetuju tetapi apabila setelah meneliti semua surat menyurat dan syarat perjanjian dan perundingan dan ditambah dengan lawatan terbarunya ke projek Gerbang Perdana, dia membantah keras sehingga ke saat ini dan tidak dapat menerima semua alasan kerajaan tentang pembatalan projek itu.

Saya fikir Dr Mahathir sangat marah kerana kerajaan tiba-tiba membatalkan rancangan itu dalam suasana perundingan hangat sedang berlangsung dan azam pihak kerajaan dan orang Johor terutamanya begitu meluap untuk meneruskan juga projek itu (di kawasan perairan kita) walaupun tanpa mendapat persetujuan pihak Singapura. Apakah salahnya kita membina jambatan itu di kawasan perairan kedaulatan kita? Apakah perlu meminta izin dari negara lain jika sesuatu projek itu dijalankan di kawasan bumi kita?


Berfikir lebih mendalam sedikit

Apakah kerajaan tidak boleh mencari jalan dengan bersungguh-sungguh, berfikir lebih mendalam sedikit dan menyelidik fakta lebih serius meneruskan juga rancangan itu dengan apa cara sekalipun yang dibenarkan undang-undang termasuk memujuk Singapura supaya bersetuju dengan rancangan itu atau membawa pertikaian itu ke mahkamah antarabangsa jika menemui jalan buntu.

Perbelanjaan telah banyak dibelanjakan oleh pihak kontraktor Gerbang Selatan Sdn Bhd. Perasmian simbolik oleh Timbalan Menteri Kerja Raya juga telah dibuat dengan gambaran niat dan azam kuat kerajaan mahu melaksanakan projek itu. Sebagai orang Johor saya fikir rakyat kedua negara juga telah mengetahui bahawa kerajaan Malaysia akan tetap meneruskan rancangannya itu dengan apa cara sekalipun terpaksa membina "Jambatan Indah" di kawasan perairan kita. Tetapi apa yang terjadi sekarang?

Dengan stail Dr Mahathir yang amat berbeza dengan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semua orang tahu apabila Dr Mahathir telah berazam memulakan sesuatu projek itu jarang sekali dia akan menarik diri apa lagi membatalkan rancangannya itu. Seperti projek kereta Nasional (Proton) mula-mula diilhamkan dulu, Formula One di Sepang, Menara Kembar Petronas, Putrajaya, MSC di Cyberjaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang (KLIA), Jambatan Pulau Pinang dan banyak lagi semuanya pada awalnya mendapat bantahan dan cemuhan terutama Putrajaya dari berbagai pihak.

Tetapi Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang luar biasa azam dan tekadnya sehingga hari ini semua yang diilham dan direncanakan mendapat sanjungan dan pujian dari semua pihak termasuk musuh-musuh politiknyanya. Dia tidak peduli apa orang lain kata asalkan sesuatu projek itu demi kebaikan



Kenapa Dr Mahathir amat marah?

INTISAR

- **Perlu diadakan pungutan suara di seluruh negara untuk mendengar suara rakyat sebenarnya.**
- **Kerajaan patut berfikir dan cari jalan lebih serius selesaikan masalah, termasuk pujuk Singapura.**
- **Mahathir seorang pemimpin yang luar biasa azam dan tekadnya sehingga hari ini.**

Abdullah pemimpin yang terlalu berhati-hati, tidak berani mengambil keputusan. tidak popular.

dan masa depan negara, Dr Mahathir akan tetap meneruskan dengan apa cara sekalipun. Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam pernah menentang keras rancangan projek kereta nasional Proton kerana menurutnya negara kecil seperti Malaysia tak mungkin berjaya kerana negara besar seperti Amerika dan Britain gagal menandingi kemaraan Industri Automotif Jepun.

Tapi Dr Mahathir adalah seorang pemikir, pemimpin yang berani mengambil keputusan dengan keyakinan diri yang mendalam (*with deep conviction*) seperti yang disebut oleh Lee Kuan Yew ketika Dr Mahathir mula dilantik menjadi PM) dan berani pula memastikan rancangannya itu berjaya.

Dr Mahathir memang seorang pemimpin negara yang luar biasa yang berbeza sekali dengan Abdullah yang terlalu berhati-hati, tidak berani mengambil keputusan (apa lagi yang tidak popular), kurang memahami teori ekonomi moden dan global, tidak begitu mempunyai azam dan keyakinan diri yang kuat untuk menjayakan sesuatu rancangan itu hingga mencapai kejayaan demi kebaikan masa depan rakyat dan negara.

Abdullah mempunyai falsafah tidak mahu berbelanja banyak duit kerajaan, takut membebaskan hutang kepada generasi akan

datang. Tetapi dapatkah ekonomi sesebuah negara itu berkembang dari maju jika pemimpinnya tidak membuat atau takut merencanak projek pembangunan yang besar asalkan saja dibuat dengan berhemah?

Adalah berbeza seorang pemimpin yang berfikir, mencari dan memberi ilham, melihat dan menyelami masalah projek itu dengan pemimpin yang mendapat dan mendengar idea dari orang lain dan cuba melaksanakannya. Ciri pemimpin kedua itu jarang menemui hasil yang maksimum kerana dia tidak terlibat dalam proses berfikir seperti yang dibuat oleh pemimpin yang pertama itu.

Malah Dr Mahathir lebih hebat dari Lee Kuan Yew yang dikatakari salah seorang pemimpin Asia yang paling berpengaruh dan berjaya mengubah bumi kecil Singapura menjadi bandaraya kota yang maju dalam segala segi walaupun tanpa hasil bumi. Dengan keluasan bumi dan penduduk di Malaysia yang lebih besar, dan dengan pelbagai masalah budaya rupa bangsa yang masih terkebelakang dari segala segi, Dr Mahathir telah lebih berjaya meletakkan Malaysia dari negara dunia ketiga yang sedang membangun kepada negara dunia ketiga yang sudah hampir menuju negara maju dengan pelbagai kejayaan pembangunan dan infrastruktur yang diakui dunia.

Sistem demokrasi ala Malaysia

Dr Mahathir lebih berjaya dengan sistem demokrasi ala Malaysia yang lebih terbuka berbanding Singapura yang agak autokratik sifatnya; menyekat dan menghalang kehadiran pembangkang di Parlimen. Dr Mahathir sebenarnya lebih diiktiraf dengan cara terbukanya menerima segala pendapat, tidak hipokrit kepada kuasa besar, kelantangan melontarkan idea dan fikiran bernas tanpa takut hingga disanjung pemimpin negar-negara membangun dan disegani pemimpin negara maju terutama barat.

Saya berpendapat kenapa tidak Abdullah dan barisan kabinetnya berjumpa dan mendapat idea dan pendapat dari Dr Mahathir

sebelum membatalkan projek itu? Tidak salah meminta pendapat seperti yang dilakukan Abdullah sendiri, Timbalannya dan Menteri Kewangan Kedua beberapa ketika dulu meminta pendapat Dr Mahathir tentang Rancangan Malaysia Kesembilan (BMK9) sebelum dibentangkan di Parlimen? Ini kerana Dr Mahathir adalah orang yang mencetuskan idea itu dan barangkali tentulah dia lebih mengetahui cara bagaimana untuk menyelesaikan dengan kebijaksanaan, pengalaman dan kebolehannya yang sudah terbukti terutama berhadapan dengan Singapura yang licik dan sukar dilembutkan.

Sebagai rakyat Malaysia dan orang Johor yang ingin melihat negeri Johor maju ke hadapan, semua pelan induk perancangan yang terbentang dalam projek Gerbang Selatan termasuk pembikinan jambatan itu, pembukaan bangunan CIQ dan beberapa kemudahan pengangkutan moden lain yang tersusun rapi sebenarnya akan memacu dan merangsang ekonomi bandaraya Johor Bahru maju jauh ke hadapan setanding dengan bandaraya lain seperti Singapura umpamanya.

Projek pembangunan Danga Bay juga dikaitkan dengan projek itu dengan mengindahkan sekitar kawasan jambatan yang akan dibina itu, kita mungkin dapat melihat pemandangan indah menawan seperti keindahan pemandangan di Sydney Bridge, Australia dengan pelbagai jenis kegiatan riadah termasuk perniagaan dapat diwujudkan sekitar keindahan jambatan itu.

Apakah kerajaan tidak nampak semua kebaikan dan penjelmaan pembangunan di sekitarnya itu akhirnya akan menjana berjuta-malah saya kira berbilion pendapatan kepada masyarakat perniagaan umumnya dan kerajaan Johor amnya. Saya fikir jika ditanya pendapat semua warga Johor tentang kebaikan pembinaan jambatan itu, ramai yang akan menyebelahi saya. Mengapa tidak kita adakan pungutan suara di seluruh negara untuk mendengar suara rakyat sebenarnya; samada menyokong atau menolak projek yang mempunyai potensi besar itu?